

06 JUL 1996

Razaleigh-PAS

PAS MAHU BERPISAH DARIPADA SEMANGAT 46, KATA KU LI

BANDAR PUSAT JENGKA, 6 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini mengumumkan bahawa PAS telah membuat keputusan untuk berpisah dengan parti itu dalam satu mesyuarat agung yang diadakan oleh parti berkenaan (PAS) baru-baru ini.

Beliau memberitahu pemberita selepas berucap pada majlis ulangtahun ke-50 penyatuan umat Melayu peringkat negeri Pahang di sini, bahawa beliau dimaklumkan mengenai keputusan itu di Kelantan semalam.

"Menurut apa yang dilaporkan kepada saya, PAS telah mengambil keputusan untuk berpisah dengan kita tetapi dia tak akan mengumumkan lagi keputusan ini. Saya dah dapat tahu, jadi saya umumlah bagi orang tahu," katanya.

Beliau dukacita dengan keputusan yang dibuat oleh PAS itu kerana Semangat 46 telah berusaha begitu lama untuk membawa anggota-anggota dan penyokong-penyokong PAS agar dapat bersatu dalam politik Melayu.

Beliau mensifatkan PAS sebagai anti perpaduan yang patut dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku perpecahan, terutamanya di Kelantan di mana Angkatan Perpaduan Ummah (APU) berkuasa sekarang.

"Saya telah berjumpa mereka dulu mengenai kemungkinan saya berjumpa Dr Mahathir dan hasrat saya supaya mereka (PAS) dapat turut bersama, tiba-tiba mereka nak putus hubungan dengan kita, nak berasingan daripada kita. Saya dapat simpulkan mereka ini anti perpaduan," tambah beliau lagi.

Tengku Razaleigh berkata satu perhimpunan agung khas Semangat 46 akan diadakan selepas pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan persetujuan bersama tentang cadangan parti itu menyertai semula Umno.

Beliau berkata, siri-siri penerangan yang dilakukan oleh beliau dan pemimpin-pemimpin tertinggi parti itu ke seluruh negara mendapati secara prinsipnya semua anggota bersetuju dengan cadangan itu.

Siri penerangan itu akan dibuat seberapa cepat yang boleh kerana wakil-wakil dari setiap bahagian perlu membuat kata pemutus berkaitan cadangan pada perhimpunan agung khas itu kelak, jelas beliau.

Beliau juga berkata kempen penyemakan dan mengemaskinikan senarai anggota parti juga akan dilancarkan kerana sungguhpun dikatakan parti itu sekarang mempunyai anggota kira-kira 400,000 orang tetapi beliau yakin jumlah sebenarnya lebih daripada itu. -- BERNAMA

ROS WAT